

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TUAN SIM TZE TZIN [ Bayan Baru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kadar inflasi pada bulan April dan Mei 2015. Apakah faktor utama yang menyebabkan kadar inflasi tersebut.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar inflasi yang dicerminkan oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan April 2015 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus berbanding April 2014. Kadar 1.8 peratus ini adalah lebih tinggi berbanding 0.9 peratus pada bulan Mac 2015. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015. Kenaikan indeks pada bulan April 2015 antaranya, bagi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol kepada 3.1 peratus, kumpulan Komunikasi kepada 2.3 peratus dan Restoran dan Hotel kepada 4.3 peratus telah diimbangi oleh penurunan indeks bagi kumpulan pengangkutan sebanyak 4.8.

Bagi tahun 2015, Kerajaan menjangkakan kadar inflasi akan kekal di bawah paras 3 peratus. Data rasmi bagi Mei 2015 hanya akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 17 Jun 2015.

Sekian. Terima kasih.